

PM rasmi Pusat Perniagaan Malaysia

~~UM 19 AUG 2001~~
Daripada
G. MANIMARAN

KAMPALA (Uganda) 18 Ogos — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merasmikan Pusat Perniagaan Malaysia (MBC) yang dilihat sebagai langkah awal kepada usaha menerokai peluang-peluang pelaburan dan pasaran di rantau timur Afrika khususnya di Uganda.

Pusat berkenaan yang terletak di Old Kampala Road di sini, ditubuhkan oleh MASSCORP Trading Sdn. Bhd. iaitu sayap pelaburan Malaysian South-South Corporation Berhad (MASSCORP) dan Sekaran Velasamy, seorang rakyat Malaysia yang berada di sini sejak lebih sedekad lalu.

Dr. Mahathir yang tiba di ibu negara Uganda ini untuk mengambil bahagian dalam Global 2001 (SAID/LID), merasmikan pusat berkenaan yang terletak di bangunan dua tingkat.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah isteri Dr. Mahathir, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Zimbabwe, Ali Abdullah; Pengarah Urusan MASSCORP Trading, Tan Sri Tee Hock Seng dan anggota delegasi Malaysia yang menyertai Global 2001.

Menteri Tenaga, Multimedia dan Komunikasi, Datuk Amar Leo Mogie dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid juga hadir.

Terdahulu Tee yang ditemui wartawan Ma-



GLOBAL 2001 (SAID/LID)

laysia memberitahu, penubuhan pusat berkenaan merupakan yang pertama bagi MASSCORP Trading di rantau itu setakat ini.

Menurut beliau, penubuhan pusat tersebut juga merupakan hasil Misi Perniagaan Asia ke Uganda dan Tanzania yang berlangsung pada 3 hingga 13 Oktober tahun lalu.

Pusat itu ditubuhkan

Mac lalu dengan modal berbayar RM380,000 (AS\$100,000) dan mula beroperasi dua bulan kemudian. MBC menyediakan kemudahan ruang pameran produk keluaran Malaysia dan khidmat nasihat.

Kini, MBC telah mewujudkan rangkaian dengan pasar-pasar raya popular di sini, 3 Patless Supermarkets, 3 Star Supermarkets, 3 Top Shop Supermarkets, 8 Caltex Star Marts, 15 Shell Select Shops, 2 Quality Supermarkets dan beratus-ratus pasar mini dan pemborong.

“Pada peringkat ini, Pusat Perniagaan Malaysia ini mahu memperluaskan pasaran produk di negara ini dan kemudian ke rantau ini dalam jangka panjang,” ujarnya. — *Utusan*